

Headline	Syabas semua warga kerja TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Letters	Page No	20
ArticleSize	139 cm ²	Journalist	SAUDARA
PR Value	RM 8,242		



Syabas semua warga kerja TNB

SAUDARA PENGARANG.

SEBAGAI bekas presiden Persatuan Pengguna Negeri Sembilan, ingin saya katakan bahawa *Careline* Tenaga Nasional Berhad (TNB) - 15454 adalah satu saluran rujukan yang saya kira cepat dan pantas apabila pengguna mahu berhubung atau membuat aduan kepada TNB.

Saya lihat saluran ini dijaga kumpulan staf profesional dan berorientasi membantu pengguna perkhidmatan elektrik di seluruh negara.

Beberapa hari lalu, saya menghubungi *Careline* TNB untuk melaporkan satu kerosakan elektrik di kawasan kami, saya dapati individu yang mengelola talian ini penuh berdedikasi, bersopan santun dan juga beretika melayan pelanggan.

Saya amat gembira bercakap kepada staf wanita tersebut, jelas mahu membantu dengan secepat mungkin. Perkhidmatan penyelenggaraan dan baik pulih TNB juga cukup memuaskan pengguna. Inilah

sikap yang kita mahu.

Ingin saya katakan bahawa pada hemat saya, TNB adalah satu agensi berteraskan pengguna yang sentiasa mengutamakan perkhidmatan pantas dan berkualiti kepada pelanggannya.

Syabas kepada TNB kerana mempunyai kakitangan yang sentiasa mengutamakan keperluan dan kehendak para pengguna.

BULBIR SINGH
Jalan Loop, Seremban